

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10287

SOALAN :

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kes dadah yang meningkat dan sudah serius merebak ke kawasan pedalaman Sarawak yang amat sangat telah menukar senario keselamatan dan budaya kehidupan di luar bandar Sarawak terutama di kalangan masyarakat Dayak dan Orang Ulu yang selama ini selamat dari masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dan amat memandang serius masalah dadah di Malaysia. AADK Negeri Sarawak telah melaksanakan 108 buah program pencegahan dan penguatkuasaan di Bahagian Sibu, Bahagian Mukah, Bahagian Sarikei, Bahagian Miri, Bahagian Limbang, Bahagian Betong, Bahagian Sri Aman serta Bahagian Bintulu bagi menangani masalah dadah.

AADK Negeri Sarawak juga menjalin hubungan kerjasama erat dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam melaksanakan program-program pencegahan serta penyelarasan tindakan melalui Majlis Tindakan Membanteras Dadah peringkat negeri.